

08/07/2003

Moscow kagumi pendirian Kuala Lumpur

Hardev Kaur

MOSCOW: Presiden Russia Vladimir Putin kagum dengan keterbukaan dan pendirian Malaysia yang tidak berganjak berhubung pelbagai isu tanpa mengetepikan undang-undang antarabangsa.

Beliau berkata, kepatuhan Malaysia terhadap undang-undang antarabangsa dan menghormati rakannya, mampu menyediakan rangka kerja untuk memantapkan hubungan dua hala dengan negara lain.

Ia juga satu kemajuan positif untuk pembentukan orde baru dunia yang amat perlu bagi abad ke-21, katanya dalam temu ramah eksklusif dengan New

Straits Times (NST) di Novo Ogoryovo, iaitu kediaman rasminya di sini.

(Ikuti temu ramah penuh dalam NST hari ini)

Putin dijadual melawat Kuala Lumpur hari ini, tetapi lawatan seharinya itu yang pertama bagi Presiden Russia, ditangguhkan berikutan serangan bom

berani mati dua pemberontak Chechen ketika konsert terbuka di lapangan terbang Tushino di republik itu 5 Julai lalu.

Putin menyifatkan hubungan dua hala Russia-Malaysia sebagai 'ala perniagaan dan mesra' dengan dagangan meningkat 34 peratus tahun lalu.

Beliau memberitahu beberapa bidang kerjasama sedang diterokai termasuk dalam sektor penerbangan awam, eksplorasi ruang udara dengan memasukkan angkasawan warga Malaysia ke ruang angkasa, bidang tenaga serta elektronik.

Katanya, Malaysia mencapai banyak kemajuan dalam tempoh 20 tahun lalu di

bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, "dan merangka bidang yang Malaysia boleh menjadi jambatan untuk kegiatan perniagaan kita di Asia dan rantau Pasifik".

Ketika lawatannya ke Moscow tahun lalu, Dr Mahathir menawarkan Malaysia

sebagai pangkalan untuk syarikat Russia, perniagaan dan industri ke dalam

pasaran Asean.

Putin yang berpendirian tegas terhadap pencerobohan ke atas Iraq, berkata Russia menyokong kuat usaha memperkukuhkan organisasi antarabangsa.

"Jika tindakan unilateral (persendirian) menjadi kebiasaan kehidupan antarabangsa, ia akan mencetuskan kacau bilau dan musibah yang teruk," katanya.

Dalam temu ramah selama sejam itu, Putin juga bercakap mengenai harapannya dan aspirasi untuk Russia, dan menambah bahawa kerajaannya komited untuk melipatgandakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tempoh 10 tahun dan mengurangkan kemiskinan.

"Sesebuah negara tidak boleh dipanggil maju jika majoriti penduduknya terus berjuang menangani kemiskinan. Dan untuk berhak dipanggil negara maju, kita perlu memperbaiki taraf hidup rakyat," katanya.

Putin yang kelihatan segar walaupun sibuk sepanjang hari, juga bercakap

mengenai keperluan untuk membanteras rasuah dan memperbaiki iklim perniagaan untuk kedua-dua pelabur tempatan dan asing.

Antara yang ditangani adalah bagi memperkukuhkan perundangan, jaminan kepada hak pelabur yang betul dan pemilik, pembaharuan cukai, memperbaiki piawaian perakaunan, sistem kehakiman dan keselamatan.

Beliau komited kepada pembaharuan pasaran dan menekankan bahawa "negara seharusnya keluar daripada bidang yang tidak sepatutnya ia ceburi".

Putin mempunyai pandangan yang banyak persamaan dengan Dr Mahathir - antaranya mengenai isu keganasan. Kedua-duanya sependapat bahawa punca keganasan mesti dikenal pasti bagi menangani permasalahan itu.

"Jika kita tidak mahu mencakar permukaan, kita patut menangani punca sebenar keganasan," katanya.

Seperti Dr Mahathir, beliau mengenal pasti kemiskinan dan ketidaksamaan sebagai punca keganasan yang perlu ditangani.

Katanya, slogan 'pertembungan tamadun' adalah bahaya dan menegaskan bahawa sebagai manusia, "kita harus belajar bagaimana untuk menghormati di

antara satu sama lain dan kepentingan orang lain."

Putin berkata, Russia adalah negara pelbagai kaum dan agama dengan majoriti penduduknya beragama Kristian dan kira-kira 20 juta orang Islam.

"Mereka bukan pendatang yang datang ke negara kami dari negara lain. Mereka adalah rakyat Russia. Orang ini menganggap Russia sebagai tanah tumpah darah mereka. Dan dalam hal ini, kita boleh katakan tanpa ragu-ragu

bahawa Russia adalah sebahagian daripada dunia Islam," katanya.

Katanya, oleh kerana kedudukan Russia menyeberangi kedua-dua benua Asia dan Eropah, Moscow mendapat faedah daripada kekayaan.

"Tak kira apa asal usul kita - Asia atau Eropah, kita cuba untuk menggunakan semua faedah dan bagi pembangunan negara," katanya.

Beliau menegaskan bahawa satu-satunya pertubuhan universal yang boleh menyelesaikan isu sejagat adalah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Mengenai Russia sebagai kuasa pengimbang kepada Amerika Syarikat yang menjadi kuasa besar dunia, Putin menegaskan bahawa hari ini kedua-dua Russia dan Amerika adalah 'kuasa nuklear yang paling kuat di dunia'.